



Jabatan Penerbangan Awam  
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SOALAN-SOALAN LAZIM

### PROSEDUR OPERASI DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI (LTAB)

1. Adakah orang ramai dibenarkan masuk ke dalam terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk menghantar penumpang-penumpang yang akan berlepas.  
**Orang ramai adalah dimestikan untuk menggunakan prosedur ‘drop-off’ sahaja bagi menghantar penumpang-penumpang yang akan berlepas.**
2. Adakah orang ramai dibenarkan masuk ke dalam terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengambil penumpang-penumpang yang akan tiba.  
**Orang ramai sama sekali tidak dibenarkan untuk mengambil atau menyambut penumpang semasa ketibaan.**
3. Bagaimana mendapatkan makluman mengenai jadual penerbangan dan makluman Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei seperti tatacara penghantaran penumpang  
**Makluman jadual penerbangan dan makluman mengenai dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei seperti tatacara (S.O.P) penghantaran penumpang dapat diperolehi melalui talian +673 2331747 dan juga melalui Aplikasi ‘iFlyBrunei’ bagi jadual penerbangan.**



Android Market



Apple AppStore

4. Apakah keperluan yang diperlukan bagi penumpang-penumpang yang akan berlepas melalui Lapangan Terbang Antarabangsa?
  - **Semua penumpang diminta untuk memuat turun aplikasi BruHealth dan mengimbas QR Code yang telah disediakan sebelum masuk ke bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.**

- Penumpang-penumpang yang tidak mempunyai aplikasi BruHealth dimestikan untuk mengisi maklumat peribadi mereka dalam buku rekod yang disediakan.
  - Menunjukkan dokumentasi penerbangan yang sah dan sijil COVID-19 PCR Test yang negatif (jika perlu) sebelum masuk ke bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.
5. Adakah kakitangan lapangan terbang dan orang ramai dimestikan untuk memiliki Aplikasi BruHealth untuk memasuki terminal dan kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei? **Semua kakitangan lapangan terbang dan orang ramai adalah dimestikan untuk memuat turun Aplikasi BruHealth dan mengimbas kod QR sebelum memasuki Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Mereka yang tidak mempunyai kod BruHealth yang sah adalah tidak dibenarkan sama sekali untuk masuk.**
6. Bagaimana untuk mendapatkan maklumat bagi *early check-in*?  
**Maklumat boleh diperolehi melalui laman sesawang rasmi syarikat penerbangan atau melalui agen pelancongan dimana tempat anda membeli tiket penerbangan berkenaan.**
7. Apakah langkah-langkah yang dilaksanakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei?
- Pemeriksaan suhu badan di pintu-pintu masuk yang telah ditentukan di bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei;
  - Memastikan pemakaian sungup muka;
  - Mengimbas kod QR melalui aplikasi BruHealth yang telah disediakan di pintu-pintu masuk Dewan Pelepasan dan Dewan Ketibaan.
  - Pengguna-pengguna Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei adalah diminta untuk mengemaskini status kesihatan terlebih dahulu melalui aplikasi BruHealth sebelum masuk dan disarankan untuk memahami dan mematuhi prosedur-prosedur di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.
  - Penyediaan cecair pembasmi kuman '*hand sanitizer*' bagi orang ramai.
  - Mengamalkan penjarakan fizikal pada jarak 2 meter ditempat-tempat yang ditetapkan seperti semasa beratur di kaunter pendaftaran masuk, kaunter imigresen, kastam, pemeriksaan sekuriti dan juga premis perniagaan.
8. Kekerapan bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dibersihkan?  
**Bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dibersihkan sebaik sahaja selepas setiap jadual penerbangan keberangkatan dan ketibaan.**
9. Bagaimanakah menghubungi Jabatan Penerbangan Awam jika ada sebarang soalan?  
**Orang ramai bolehlah menghubungi talian +673 2331747 atau melalui e-mel info.dca@dca.gov.bn.**